

**MAJLIS PELANCARAN ENCORP STRAND MALL (ENCORP STRAND MALL
GRAND LAUNCH)**

28/05/2014

ENCORP STRAND MALL, KOTA DAMANSARA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
1Malaysia;

Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Effendi Norwawi, Pengasas Encorp Berhad dan
isteri;

Yang Berbahagia Datuk Dr Md Hamzah bin Md Kassim,
Pengerusi Encorp Berhad dan isteri;

Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan CEO PEMANDU serta isteri;

Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad,
Pengerusi FELDA dan isteri;

Ahli keluarga Encorp Berhad dan Kumpulan FELDA,

Dif-dif jemputan, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

1. Terlebih dahulu marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke
hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas keizinan dan limpah kurnia-Nya maka
dapat kita bersama-sama pada majlis yang penuh bermakna pada malam ini.

2. Pertamanya, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih
kepada Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Effendi Norwawi serta pengurusan
Encorp Berhad kerana sudi menjemput saya hadir untuk melancarkan Encorp
Strand Mall pada malam yang penuh gilang gemilang ini.

3. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak pengurusan dan warga kerja
Encorp Berhad kerana telah berjaya merealisasikan suatu perancangan dan
impian untuk menjadikan Encorp Strand sebagai sebuah ikon yang boleh
dibanggakan komuniti di persekitaran Kota Damansara ini.

4. Masih segar dalam ingatan saya pada tiga (3) tahun yang lepas, ketika pelancaran Pusat Perniagaan Encorp Strand Red Carpet Avenue, saya dimaklumkan oleh Dato Sri' Effendi bahawa Encorp Strand sebagai sebuah konsep pembangunan komersil bersepadu, masih belum dibangunkan secara sepenuhnya ketika itu.

5. Alhamdulillah, malam ini menjadi saksi dengan pelancaran Encorp Strand Mall, konsep pembangunan komersil bersepadu yang bertemakan Live, Work, Play and Entertain Encorp Strand bakal mencerminkan budaya Encorp yang sentiasa mengutamakan pendekatan inovatif sebagai salah satu daripada piagam visi mereka.

6. Saya difahamkan, Encorp Strand bukan hanya berkonsepkan integrasi malah ianya telah dirancang sebagai sebuah walking mini city dimana semua keperluan seharian boleh dipenuhi dengan jarak berjalan kaki sahaja. Tahniah saya ucapkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Sejak pengenalan Program Transformasi Ekonomi (ETP) pada tahun 2010, Negara terus mengecapi pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan stabil dalam usaha kita mencapai status Negara maju menjelang tahun 2020.

8. Hal ini dibuktikan dengan Ekonomi Negara terus berkembang kukuh sebanyak 6.2% pada Suku Pertama tahun ini. Negara juga telah menerima pengiktirafan antarabangsa dengan menokok tiga (3) anak tangga ke tempat ke-12 dalam Laporan Daya Saing Dunia 2014 yang baru-baru ini diumumkan.

9. Pencapaian-pencapaian ini adalah hasil formula ETP itu sendiri yang menyaksikan sektor swasta memainkan peranan yang utama. Ianya telah mengukuhkan daya tahan ekonomi Malaysia disebalik perubahan iklim ekonomi dunia. Jika pada tahun 2009 jumlah pelaburan swasta hanya merangkumi 52 peratus, angka ini telah meningkat kepada 61 peratus pada tahun 2013.

10. Saya sentiasa menekankan bahawa pelaburan swasta adalah sangat penting kerana ia mempengaruhi kadar pertumbuhan ekonomi negara. Kerancarkan pelaburan swasta yang lebih besar berkadar langsung dengan kadar pertumbuhan ekonomi negara yang lebih tinggi. Pertumbuhan akan menjana kekayaan nasional. Kekayaan yang terhasil ini akan membolehkan

kerajaan menjayakan lebih banyak inisiatif yang memanfaatkan rakyat.

11. Syabas saya ucapkan kepada Encorp Berhad kerana secara aktif memenuhi peranannya di bawah ETP dalam menggalakkan sektor pelancongan dan juga borong & runcit. Usaha dan pelaburan seperti Encorp Strand, dengan pelan yang inovatif dan infrastruktur yang kondusif untuk kehidupan, membolehkan pertumbuhan ekonomi berlaku di kawasan bandar satelit seperti Kota Damansara.

12. Perlaksanaan ini juga secara tidak langsung menyokong Pelan Induk Greater KL/Klang Valley untuk menjadi salah satu daripada 20 Kota Metropolitan di dunia, yang paling utuh dari segi pertumbuhan ekonomi dan juga yang paling sesuai didiami.

Ladies and Gentlemen,

13. I am delighted to note that Encorp Berhad has played a pivotal role under the Economic Transformation Programme (ETP), particularly in the wholesale & retail and tourism industry.

14. Retail sector is indeed a lucrative component of Malaysia's tourism industry. It holds the second biggest share of tourist expenditure after the accommodation sector. The year 2013 registered RM65.4 billion in tourist receipts, which was an increase of 8% against the receipts of RM60.6 billion in 2012.

15. Respectively, tourists spent RM19.8 billion on shopping in Malaysia, which was an increase of 6.3% compared to RM18.6 billion in 2012. Retail sector also constituted 30.2% of the total tourist expenditure in 2013 against 30.7% of the total tourist receipts in 2012.

16. Through close cooperation between the Government and the Malaysian tourism trade players in developing the country's retail sector, Malaysia successfully garnered various international recognitions.

17. For two consecutive years (2012-2013), Kuala Lumpur was ranked by CNN Travel as the 4th Best Shopping City in the World, after New York, Tokyo and London. The city was ahead of Hong Kong, Singapore and Bangkok, making it the best shopping destination in Southeast Asia and among the top in Asia.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

18. Saya amat yakin dengan adanya jenama-jenama yang ulung serta aktiviti-aktiviti yang menarik untuk seluruh keluarga dan pelancong, ianya bakal menjadikan Encorp Strand Mall sebagai pusat membeli-belah yang digemari di Kota Damansara dan Lembah Klang.

19. Sekali lagi, tahniah dan syabas kepada warga Encorp dan saya berharap ikon baru ini akan terus menjadi inspirasi kepada warga Encorp yang lain untuk bekerja dengan lebih gigih bagi mencapai visi dan misi syarikat.

20. Maka dengan lafaz Bismillah hirrahma nirrahim, saya dengan sukacita melancarkan Encorp Strand Mall di Kota Damansara ini.

Wassalamu'alaikum warrahmatullahi wabarakatuh.